

Penggunaan vokal alif pada suku kata terbuka akhir perkataan dalam sistem tulisan Jawi

ABSTRAK

Penggunaan vokal alif dalam sistem tulisan Jawi agak bercelaru dan tidak mempunyai peraturan yang tetap. Upamanya dalam ejaan سا.ي [sa.ya], بوكا [bu.ka] dan ترداي [ter.da.ya] didapati bahawa vokal alif digugurkan pada suku kata akhir perkataan. Manakala ejaan بوايا [bu.a.ya], بودايا [bu.da.ya], لپا [lu.pa] dan lain-lain dimasukkan vokal alif pada suku kata akhir perkataan. Kajian ini cuba menganalisis dan menghurai permasalahan penggunaan vokal alif ini pada suku kata akhir perkataan berdasarkan kaedah fonetik. Ia juga bertujuan untuk melihat masalah penggunaan vokal alif ini dalam kalangan pelajar UPM. Kajian ini menggabungkan kaedah teoritikal dan kuantitatif. Dalam kajian teoritikal, pengkaji menerapkan teori fonetik dan fonologi untuk menghurai dan membentuk teori penulisan Jawi yang lebih tersusun. Manakala kaedah kuantitatif pula, pengkaji menggunakan sampel pelajar Jabatan Bahasa Asing (Arab) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi untuk melihat tahap keupayaan dalam penggunaan vokal Alif pada suku kata akhir dalam penulisan perkataan Jawi. Kajian mendapati bahawa pelajar bermasalah menggunakan vokal alif dalam sistem tulisan Jawi yang ada sekarang. Kajian ini mencadangkan supaya sistem tulisan Jawi perlu dipinda berdasarkan kaedah fonetik dan fonologi bagi memudah proses pembelajaran dan pengajaran Jawi di Malaysia.

Kata kunci: Vokal; Ejaan Jawi; Suku kata; Fonetik